PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

NOTIS TAWARAN BILANGAN : **HMSF/TDR/03/2026**

TAJUK PROJEK : **FOR SERVICE LEVEL MAINTENANCE CONTRACT AND RELATED WORKS (PACKAGE B) FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT HANGAR 1 & HANGAR 2 MECHANICAL & ELECTRICAL SYSTEM**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan yang sah dan Sijil Pendaftaran Kontraktor yang mempunyai Kelas III ke atas.

2. Syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja sistem mekanikal dan elektrikal. Syarikat dimestikan juga menghadapkan profil *(company profile)* ke atas pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

3. Dokumen tawaran yang berharga **B$500.00** (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon 2460043 Ext. 2180. Tarikh akhir bagi mengambil dokumen tersebut adalah pada **19 November 2026.**

4. Penender mestilah membawa bersama Sijil Pedaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.

5. Penendar adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran:

    i. Sijil Pendaftaran Syarikat.
    ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Pembangunan yang dikemaskini dan sah serta menepati kelas dan kategori yang akan diikuti.
    iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan *(Tax Compliance Certificate)* dari Kementerian Kewangan yang terkini dah sah.
    iv. *Statement of Annual Returns* yang terkini dan sah.
    v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah.

    Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

6. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat berkenaan dan hendaklah membawa bersama Surat Pengesahan dari syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi *(sealed)* dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti syarikat dan di alamatkan kepada:

Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Tidak lewat hari Selasa, 15 Disember 2026 jam 02:00 petang

8. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.

9. Tawaran akan dikira sahlaku dalam tempoh **270 hari** dari tarikh akhir tutup menghantar tawaran.

10. Penendar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut Garispanduan Peraturan Kewangan 2022.

11. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.